

Kerajaan Melaka kaji semula kawasan tadahan air elak berlaku banjir

MELAKA – Satu kajian semula di semua kawasan tadahan air di hulu sungai negeri ini akan dilaksanakan kerajaan negeri dalam usaha mengatasi masalah banjir termasuk yang berlaku baru-baru ini.


Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, kajian secara lebih terperinci akan dilaksanakan segera oleh Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri bagi mencari penyelesaian terbaik masalah tersebut.



IDRIS

Menurut beliau, kajian itu dilihat perlu kerana ia mampu memberi penyelesaian terbaik dalam menangani limpahan air ke kawasan rendah atau hilir sungai sehingga menyebabkan kerap berlakunya banjir.

“Kita yakin masalah ini dapat diselesaikan jika kita benar-benar menangani masalah yang disebabkan kegaga-



LEBUH Melaka-Alor Gajah dipenuhi air yang melimpah dari Sungai Pengkalan akibat hujan lebat di Kampung Pengkalan Alor Gajah, Melaka Sabtu lalu.

lan untuk menahan air di hulu sungai dalam satu tempoh masa hingga berlakunya banjir di hiliran sungai.

“Sehubungan itu, excu kerajaan negeri hari ini telah mengeluarkan arahan bahawa kawasan mitigasi banjir mesti-

lah berlaku di hulu sungai di mana air hujan dapat ditahan dalam satu tempoh masa sebelum dilepaskan,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini semalam.